

ENGLISH SECTION

1. Research in Islamic Economics and Finance in Malaysia: A Review
- *Muhamad Muda et. al.* 1
2. The Effect of Islamic Private Debt Securities Rating Changes on Firm's
Common Stock Returns - *Norain Mod Asri et. al.* 25
3. The Performance of Islamic Unit Trust Funds in Malaysia: Does Persistence
Exist? - *Mohd Azlan et. al.* 39
4. Key Factors Influencing Credit Risk of Islamic Bank: A Malaysian Case
- *Nor Hayati Ahmad and Shahrul Nizam Ahmad* 65
5. Adopting and Measuring Customer Service Quality in Islamic Bank:
A Case Study - *Shahril Shafie et. al.* 81
6. A Regulatory Framework for Islamic Banks - *Abd. Ghafar Ismail and
Nur Azura Sanusi* 97
7. Awareness and Ownership of Family Takaful Scheme Among Muslim
Community in Malaysia - *Norlida Abd. Manab et. al.* 121
8. Compatibility and Market Penetration of Family Takaful Products:
A Comparative Study - *Nor Haziha Hashim and Muhamad Muda* 137

BAHASA MELAYU SECTION

9. Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup: Kajian Kes Asnaf Fakir
dan Miskin - *Sanep Ahmad et. al.* 151
10. Implikasi Sosial dan Ekonomi Pembiayaan Perumahan Secara Bai
Bi-Thaman Ajil: Kajian Kes di Wilayah Pahang Tenggara - *Nora Yusma
Mohamed Yusop dan Mohd Anuar Awang Idris* 167
11. Perkembangan Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Kajian Dari Sudut
Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Web - *Ali Badron Mokhtar dan
Abd. Rauf Hassan Azhari* 191

BOOKS REVIEW

12. Issues in Islamic Banking, Selected Papers (M.N. Siddiqi) - *Nursilah Ahmad* 209
13. Economics System Under Umar the Great: A Treatise on Muslim Economy
in Early 7th Century (Irfan Mahmud Ra'ana) - *Fara Madehab Ahmad Farid* 215



KESAN BANTUAN ZAKAT TERHADAP KUALITI HIDUP: KAJIAN KES ASNAF FAKIR DAN MISKIN

Hairunnizam Wahid
Sanep Ahmad
Mohd Ali Mohd Noor
(Universiti Kebangsaan Malaysia)

Abstrak

Kajian ini menjelaskan kesan bantuan zakat oleh pihak institusi zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin dengan menggunakan data primer melalui soal selidik di daerah Jerantut, Pahang, daerah Taiping, Perak dan daerah Sandakan, Sabah. Kajian ini menganggar kebarangkalian perasaan penerima zakat iaitu sama ada mereka berpuas hati atau tidak dengan kualiti hidup mereka kesan daripada penerimaan zakat dengan menggunakan model logit. Hasil kajian mendapati bantuan zakat memberi kesan yang signifikan kepada kualiti hidup golongan miskin terutamanya aspek pendidikan dan penyertaan sosial. Beberapa implikasi penting dicadangkan dalam kajian ini untuk memastikan kualiti hidup golongan miskin tidak dipinggirkan dalam arus pembangunan negara.

Kata kunci: Zakat, Kualiti hidup, Kemiskinan, Asnaf fakir dan miskin

PENGENALAN

Pencapaian kutipan zakat yang tinggi dari tahun ke tahun oleh pusat zakat setiap negeri tidak dapat dinafikan lagi. Jumlah kutipan zakat secara keseluruhan bagi negeri-negeri di Malaysia telah mengalami peningkatan sebanyak 24 peratus daripada RM258 juta pada tahun 2000 kepada RM320 juta pada tahun 2001 (Laporan Zakat 2001). Pencapaian kutipan zakat negeri yang semakin tinggi setiap tahun membuktikan institusi ini telah berjaya meningkatkan keberkesannya dari aspek kutipan. Daripada 14 negeri yang membuat kutipan pada tahun 2001, hanya tiga negeri iaitu Perlis, Sabah dan Sarawak sahaja yang membuat kutipan di bawah angka sepuluh juta. Wilayah Persekutuan dan Selangor pula masing-masing membuat kutipan melebihi RM50 juta (Laporan Zakat 2001).

Namun begitu, aspek pengagihan zakat kepada kumpulan sasaran juga adalah penting selepas mempunyai sistem kutipan zakat yang baik. Kumpulan sasaran utama yang sepatutnya mendapat perhatian awal ialah golongan fakir miskin. Namun sehingga ini, kumpulan fakir miskin masih lagi ramai dan jumlahnya didapati meningkat kebelakangan ini kesan kegawatan ekonomi. Banyak kajian yang ada hanya bertumpu kepada masalah had kifayah dan ketidakberkesanan bantuan langsung kepada asnaf ini. Dimensi baru yang mungkin belum mendapat perhatian institusi zakat ialah mengenai keberkesanan agihan terhadap kualiti hidup fakir miskin. Ini adalah disebabkan konsep kemiskinan adalah berbentuk multidimensi dan ia begitu subjektif kerana melibatkan perasaan fakir miskin terhadap sifat berkecukupan (Cheong Kee Cheok dan L.J Federich, 1977). Walaupun dari segi pendapatan, golongan ini masih lagi dikategorikan miskin namun mereka mungkin berasa berkecukupan dengan kualiti hidup sedia ada. Mereka juga berkemungkinan telah melepasi garis kemiskinan zakat, tetapi perasaan dibelenggu kemiskinan masih lagi wujud disebabkan kualiti hidup yang rendah. Oleh itu, kesan bantuan zakat tersebut kepada kualiti hidup penerimanya perlu diberi perhatian kerana dalam Islam, zakat adalah alat penting dalam mengimbangi sosio-ekonomi umat Islam.

Persoalannya, sejauh manakah bantuan zakat dapat meningkatkan kualiti kehidupan golongan miskin memandangkan nilai bantuan zakat yang diberi amatlah kecil. Adalah wajar sekiranya nilai bantuan zakat ditingkatkan mengikut kualiti hidup dan ekonomi semasa. Dalam tempoh 1990 hingga

2000, kualiti hidup di Malaysia telah meningkat iaitu sebanyak 8.4 peratus (Unit Perancang Ekonomi 2002). Namun begitu, adakah kualiti penduduk miskin juga telah meningkat? Ini kerana kualiti tersebut dihitung secara agregat yang majoritinya adalah golongan pertengahan dan kaya. Apakah dasar fiskal melalui zakat dapat meningkatkan kualiti hidup penduduk miskin ini? Maka kajian ini akan menjelaskan kesan bantuan zakat oleh pihak institusi zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin.

Perbincangan dalam kajian ini dimulakan dengan bahagian pengenalan yang menerangkan secara ringkas beberapa isu penting tentang kemiskinan dan agihan zakat. Ia kemudiannya diikuti oleh bahagian kajian lepas yang menyenaraikan beberapa kajian lepas berkaitan dengan persoalan yang dikaji. Bahagian seterusnya menerangkan metodologi kajian yang menunjukkan pembinaan model yang dianggarkan dan diikuti oleh penghuraian tentang hasil kajian. Seterusnya diterangkan beberapa implikasi kajian dan perbincangan diakhiri dengan bahagian kesimpulan.

KAJIAN LEPAS

Banyak kajian berkenaan zakat hanya melihat kepada aspek kutipan iaitu bagaimana hasil kutipan zakat dapat ditingkatkan dan kaedah yang berkesan bagi pengagihan zakat (Mohd Ali et. al, 2003; Abdul Monir, 2001; Mohd Parid, 2001). Namun demikian, tidak banyak kajian yang melihat kepada aspek keberkesanan agihan zakat kepada asnaf-asnaf yang terlibat terutamanya asnaf fakir dan miskin. Mohd Parid (2001) contohnya telah membincangkan pelbagai kaedah pengagihan zakat menurut perspektif Islam. Menurut beliau pengagihan zakat perlu mencapai satu tahap kecukupan dan keselesaan kehidupan golongan penerima zakat serta keluarga yang ditanggungnya. Menurut beliau lagi, agihan tersebut perlu mencapai kadar tertentu yang menjamin kualiti hidup yang berterusan. Ia membawa maksud kesan agihan zakat kepada asnaf perlu mencapai satu piawaian kualiti hidup sekurang-kurangnya mencapai kegunaan barang keperluan dan kecukupan. Di Malaysia, kualiti hidup individu boleh dilihat dalam pelbagai aspek termasuklah kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, kecapaian dan kebebasan untuk memperoleh pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial seiring dengan hasrat negara (Unit Perancang Ekonomi, 2002).

Takrifan ini adalah seiring dengan pendapat Burnel dan Galster (1992) yang melihat kualiti hidup sebagai tahap kesejahteraan dan keselesaan seseorang menjalani proses kehidupan meliputi aspek pemakanan, pendidikan, kesihatan, perumahan, estetik dan sebagainya. Sekiranya aspek tersebut dipenuhi, maka tahap kualiti masyarakat menjadi bertambah baik. Kajian yang ada hanya menumpukan kepada kualiti masyarakat keseluruhannya tanpa melihat kualiti kumpulan minoriti yang daif dan miskin. Oleh itu, satu kajian perlu diadakan bagi melihat kualiti hidup kumpulan ini bagi memastikan mereka tidak tersisih daripada arus perdana. Terdapat kajian oleh Zainal Abidin (2003) yang membincangkan bagaimana had kifayah dikira menurut pengalaman Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) iaitu menggunakan enam kualiti hidup utama iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pelajaran dan pengangkutan. Namun begitu, kajian beliau tidak membincangkan kesan enam kualiti hidup tersebut terhadap golongan miskin. Terdapat beberapa kajian yang melihat kualiti hidup kumpulan tertentu seperti penduduk setinggan di Kuala Lumpur dan peserta projek Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Kajian oleh Wan Zuriani (1997) hanya melihat punca-punca serta impak campur tangan kerajaan dalam membendung fenomena kemiskinan. Kajian oleh Rosmalini (1998) pula mendapati penyertaan peserta miskin dalam projek AIM berjaya meningkatkan taraf hidup peserta tanpa melihat secara terperinci indikator sosio ekonomi.

Kajian ini berbeza dengan kajian-kajian sebelumnya kerana memfokuskan kepada golongan miskin serta fakir yang termasuk dalam asnaf penerima bantuan zakat. Kajian ini juga penting untuk melihat sejauh mana kesan bantuan tersebut kepada kualiti hidup mereka terutamanya indikator sosioekonomi yang penting termasuklah pendidikan, kesihatan, bekalan air dan elektrik dan sebagainya yang merupakan prasyarat dan pemangkin kepada usaha pembangunan masyarakat terutamanya di peringkat negeri (Md Zhahir, 1996).

METODOLOGI

Kajian ini menganggar kebarangkalian perasaan penerima zakat iaitu sama ada mereka berpuas hati atau tidak dengan kualiti hidup mereka kesan daripada penerimaan zakat. Oleh kerana perasaan berpuas hati atau tidak akan dapat digambarkan oleh pembolehubah kualitatif yang menunjukkan ya atau tidak,

maka kajian ini akan menggunakan penganggaran model logit bagi menganggarkan kebarangkalian kepuasan hati penerima zakat kesan daripada bantuan zakat. Bentuk umum fungsi model logit dinyatakan seperti berikut:

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1 / (1 + e^{-z}) \quad (1)$$

dengan:

P_i adalah kebarangkalian bagi respon berpuas hati $Y = 1$ dan respon tidak berpuas hati bagi $Y = 0$.

Z_i adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X sebagai faktor-faktor yang berkaitan.

Persamaan (1) boleh ditulis dalam bentuk berikut:

$$P_i = 1 / (1 + e^{-z}) = e^z / (1 + e^z) \quad (2)$$

Jika P_i adalah kebarangkalian bagi respon berpuas hati $Y = 1$ maka kebarangkalian bagi respon tidak berpuas hati bagi $Y = 0$ ialah $(1 - P)$. Oleh itu, kebarangkalian tidak berpuas hati ialah:

$$(1 - P) = 1 / (1 + e^z) \quad (3)$$

Oleh itu, nisbah kebarangkalian untuk cenderung berpuas hati pula ialah:

$$P_i / (1 - P_i) = e^z \quad (4)$$

Dengan mengambil log semulajadi bagi persamaan (4) akan menghasilkan persamaan (5) iaitu:

$$\begin{aligned} L = \ln(P_i / (1 - P_i)) &= \ln(e^z) \\ &= Z_i \\ &= f(X) \end{aligned} \quad (5)$$

Oleh kerana perasaan berpuas hati atau tidak dalam kualiti hidup penerima zakat bergantung kepada banyak faktor selain bantuan zakat maka akan dipertimbangkan beberapa faktor yang secara langsung mempengaruhi perasaan tersebut. Beberapa faktor yang dipertimbangkan yang dijangka mempengaruhi kualiti hidup individu ialah jumlah pendapatan, taraf pendidikan serta bilangan tanggungan. Faktor lain diandaikan *ceteris paribus*.

Oleh itu, berpanduan kepada persamaan (5), model khusus yang akan dianggarkan dalam kajian ini ialah:

Model 1: Kepuasan keseluruhan

$$L = \ln(P_i / (1 - P_i)) = b_0 + b_1 X_1 + b_2 X_2 + b_3 X_3 + b_4 X_4 \quad (6)$$

dengan:

L adalah log bagi nisbah 'odds' kepuasan terhadap X

X_1 adalah jumlah zakat diterima

X_2 adalah jumlah pendapatan

X_3 adalah taraf pendidikan

X_4 adalah jumlah tanggungan

Memandangkan kepuasan terhadap kualiti hidup boleh dinilai berdasarkan sesuatu kategori tertentu maka model khusus bagi menilai kepuasan terhadap kualiti hidup tertentu akan dianggarkan. Kepuasan terhadap pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pendidikan, perumahan dan penyertaan sosial akan dianggarkan setiap satu. Model umum tersebut ialah:

Model 2: Kualiti hidup

$$L_i = \ln(P_i / (1-P_i)) = b_0 + b_1 Z \quad (7)$$

dengan:

L_i adalah kepuasan terhadap kualiti hidup i (kualiti hidup pengangkutan dan perhubungan, pendidikan, kesihatan, perumahan dan penyertaan sosial)

Z adalah jumlah zakat

Hipotesis kajian ini ialah semakin tinggi jumlah bantuan zakat diberikan oleh pihak majlis agama, kualiti hidup golongan miskin akan meningkat. Ini adalah kerana dengan bantuan kewangan yang semakin bertambah, maka kuasa beli individu akan meningkat dan seterusnya semakin banyaklah barangan yang dapat dibeli. Begitu juga aspek pendapatan dan pendidikan yang mana kedua-dua pembolehubah dijangkakan mempengaruhi kualiti hidup individu secara positif. Ini adalah kerana kualiti hidup manusia amat dipengaruhi oleh pendidikan yang akhirnya akan meningkatkan pendapatan masyarakat dan negara. (lihat Schultz, 1963; Todaro, 1994; Rahmah Ismail, 1996). Dalam kajian ini, bilangan tanggungan juga dikaji memandangkan ia merupakan pembolehubah yang penting dalam penentuan had kifayah penerima zakat (Zainal Abidin, 2003).

Data yang digunakan merupakan data primer yang diperolehi melalui temubual kaji selidik terhadap penerima-penerima zakat yang telah disenaraikan oleh Majlis Agama Islam Negeri. Seramai 140 individu telah ditemu bual

meliputi daerah Taiping di Perak (mewakili pantai barat, Malaysia Barat), daerah Sandakan di Sabah (mewakili Malaysia Timur) dan daerah Jerantut di Pahang (mewakili pantai Timur, Malaysia Barat) yang melibatkan kira-kira 42 buah kampung (lihat lampiran). Kajian memilih tiga daerah yang berbeza atas dua sebab utama iaitu pertamanya, ia mewakili kawasan dan responden yang dianggap boleh digolongkan dalam kelompok termiskin yang mana kesan tambahan wang zakat dijangka dapat memberi kesan yang lebih dan keduanya, responden daripada kawasan yang berbeza diharap akan dapat memastikan kerawakan sampel yang digunakan dalam kajian.

Aspek kualiti hidup yang dipertimbangkan dalam kajian ini merupakan aspek rasmi yang telah diguna pakai oleh Unit Perancang Ekonomi dalam menilai kualiti hidup masyarakat dan kajian Zainal Abidin (2003). Hanya lima aspek kualiti yang diambil kira daripada 11 kualiti yang digariskan dalam pengiraan kualiti hidup di Malaysia. Ini memandangkan enam kualiti yang tidak dimasukkan tidak berkait secara langsung dengan responden yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin. Setiap jawapan memerlukan jawapan dalam skala Likert iaitu tidak memuaskan, memuaskan dan sangat memuaskan. Penentuan kualiti dibuat dengan mencari nilai purata antara ketiga-tiga skala tersebut. Ini bertujuan untuk mengelakkan jawapan responden yang bias kepada tidak memuaskan. Jika memuaskan memberi nilai bersamaan 1, tidak memuaskan memberi nilai bersamaan 0.

HASIL KAJIAN

Responden dalam kajian ini terdiri daripada 40 lelaki dan 101 perempuan yang majoritinya berumur dalam lingkungan 51 tahun ke atas (73 peratus). Kebanyakan responden yang dikaji adalah berstatus janda (70 peratus) yang rata-ratanya tidak berpendidikan. Hanya 7.8 peratus responden pernah bersekolah menengah manakala bersekolah rendah dan tidak bersekolah masing-masing adalah 33.3 peratus dan 58.9 peratus. Ini menunjukkan kebanyakan responden tidak berpendidikan secara formal yang memberi impak kepada kemiskinan yang mereka alami. Ini adalah kerana hampir 56 peratus responden berpendapatan RM100 ke bawah sebulan dan 40.4 peratus pula berpendapatan antara RM100 dan RM300. Hampir 61.7 peratus adalah mereka yang tidak bekerja (kerana sudah tua dan uzur) dan disebabkan latar

belakang pendidikan yang rendah. Jumlah zakat yang diterima daripada Pusat Pungutan Zakat juga adalah berbeza mengikut tanggungan mereka. Semakin ramai tanggungan, semakin tinggilah bantuan zakat yang diberi. Kajian ini menunjukkan sebanyak 56.7 peratus tiada tanggungan kerana kebanyakan anak mereka telah berkahwin dan tinggal di tempat lain. Tidak kurang juga ada yang tiada anak dan juga tidak berkahwin. Oleh itu, jumlah zakat diberi adalah sedikit iaitu lebih kurang antara RM100 hingga ke RM250 dalam kajian ini. Kebanyakan mereka menerima sebanyak RM100 (48.9 peratus) diikuti RM200 (27 peratus), RM150 (22.7 peratus) dan hanya 1.2 peratus menerima RM250 sebulan.

Jadual 1:
Taburan Kualiti Hidup Golongan Miskin

Kualiti Hidup	Puas Hati (%)	Tidak Puas Hati (%)
Pengangkutan & Perhubungan	24.8	75.2
Kesihatan	34.8	65.2
Pendidikan	75.2	24.8
Perumahan	46.8	53.2
Penyertaan Sosial	85.1	14.9
Keseluruhan	34.0	66.0

Berdasarkan Jadual 1, kualiti hidup golongan miskin secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan. Berdasarkan jawapan yang telah diberikan, hanya 34 peratus golongan miskin berpuas hati manakala selebihnya tidak berpuas hati dengan kualiti hidup mereka. Hanya kualiti pendidikan dan penyertaan sosial sahaja yang memberikan tahap kepuasan yang agak tinggi berbanding kualiti hidup yang lain. Ini menunjukkan golongan miskin masih lagi dapat menikmati peluang pendidikan yang berkualiti untuk anak-anak mereka dan dapat bersama-sama terlibat dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Pencapaian kualiti ini menunjukkan pihak kerajaan telah berjaya menjalankan beberapa dasar secara menyeluruh termasuklah dasar

pendidikan dan dasar sosial kepada masyarakat tidak kira di bandar atau luar bandar. Namun, kajian ini juga percaya bahawa golongan miskin dapat meningkatkan kualiti hidup mereka melalui pemberian bantuan zakat. Jika dilihat dalam aspek pendidikan, anak-anak mereka berjaya mencapai pendidikan yang berkualiti hasil bantuan kerajaan dan kemungkinan bantuan wang zakat yang telah diberi oleh pihak Majlis Agama.

Walau bagaimanapun, Jadual 1 turut menunjukkan responden tidak berpuas hati terhadap kualiti pengangkutan, kesihatan dan perumahan. Ini adalah kerana wang zakat yang diberi adalah amat kecil dan ia tidak mencukupi untuk memperbaiki ketiga-tiga aspek kualiti tersebut. Tambahan pula, pihak kerajaan tidak dapat menyalur bantuan yang mencukupi untuk membaiki kualiti tersebut disebabkan oleh lokasi perumahan mereka yang berada jauh di pedalaman. Ini sudah pasti akan menyebabkan kualiti sistem pengangkutan dan perkhidmatan kesihatan adalah terbatas. Persoalannya, adakah bantuan zakat benar-benar memberi kesan yang signifikan terhadap kualiti hidup golongan miskin tersebut?

Jadual 2 menunjukkan keputusan regresi logistik model persamaan (7) yang menunjukkan hubungan antara pembolehubah bantuan zakat dengan lima kualiti hidup penerima zakat yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan bantuan zakat memberi kesan yang signifikan terhadap kualiti pendidikan dan penyertaan sosial golongan miskin. Kedua-dua pembolehubah tersebut adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus manakala pembolehubah yang lain adalah tidak signifikan. Walau bagaimanapun, kesan bantuan zakat terhadap kualiti pendidikan adalah hampir tidak berubah. Ia menunjukkan 100 peratus kenaikan dalam bantuan zakat akan hanya meningkatkan kualiti pendidikan sebanyak 98.7 peratus sahaja. Dengan erti kata lain, bantuan zakat tidak dapat meningkatkan kualiti pendidikan anak-anak mereka. Bantuan zakat akan memberi kesan yang baik dalam peningkatan kualiti penyertaan golongan miskin dalam aspek penyertaan sosial. Berdasarkan jadual tersebut, jika bantuan zakat diberikan sebanyak 100 peratus, maka kualiti penyertaan sosial akan meningkat sebanyak 102.2 peratus iaitu kenaikan kualiti sebanyak 2.2 peratus.

Jadual 2:
Kesan Zakat Terhadap Setiap Kualiti Hidup Golongan Miskin

Kualiti Hidup	B	Sisihan piawai	Statistik Wald	Sig.	Exp (B)
Pengangkutan dan perhubungan	0.004	0.005	0.641	0.423	1.004
Kesihatan	-0.007	0.005	2.212	0.137	0.993
Pendidikan	-0.013	0.005	8.157	0.004	0.987**
Perumahan	0.001	0.004	0.048	0.827	1.001
Penyertaan sosial	0.022	0.008	7.313	0.007	1.022**

Nota: ** Signifikan pada aras keertian 1%

Jadual 3 pula menunjukkan keputusan regresi logistik model 1 yang menganggarkan beberapa pembolehubah yang dijangka mempengaruhi kualiti hidup keseluruhan golongan miskin. Didapati pembolehubah pendidikan amat signifikan mempengaruhi kualiti hidup mereka iaitu pada aras keertian 1 peratus diikuti oleh pembolehubah zakat dan bilangan tanggungan yang masing-masing signifikan pada aras keertian 5 peratus. Ini jelas menunjukkan kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup keseluruhan golongan miskin adalah signifikan. Namun begitu, kesan bantuan zakat hanya mengurangkan kepuasan terhadap kualiti hidup mereka. Jika bantuan zakat ditingkatkan sebanyak 100 peratus, kualiti hidup mereka akan hanya meningkat sebanyak 98.9 peratus. Berbanding kesan pendidikan, jika pendidikan mereka meningkat 1 peratus, kualiti hidup mereka akan meningkat lebih 200 peratus. Bagi pembolehubah pendapatan pula, jika pendapatan mereka meningkat 1 peratus, kualiti hidup mereka akan meningkat sebanyak 64.8 peratus. Namun begitu, pembolehubah pendapatan adalah tidak signifikan mempengaruhi kualiti hidup walaupun ia menunjukkan hubungan yang positif. Ini disebabkan pendapatan mereka adalah di bawah paras kemiskinan.

Jadual 3:
Kesan Beberapa Pembolehubah Terhadap Kualiti Hidup
Keseluruhan Golongan Miskin

Pembolehubah	B	Sisihan piawai	Statistik Wald	Sig.	Exp (B)
Zakat	-0.011	0.006	4.241	0.039	0.989*
Pendapatan	0.500	0.378	1.744	0.187	1.648
Pendidikan	1.172	0.363	10.44	0.001	3.228**
Tanggungan	0.588	0.279	4.435	0.035	1.801*
Konstan	-2.712	0.992	7.466	0.006	0.066**

Nota: ** Signifikan pada aras keertian 1 %

* Signifikan pada aras keertian 5 %

IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini mengutarakan beberapa implikasi penting. Pertama, bantuan zakat tidak meningkatkan kepuasan golongan miskin yang menerima zakat tersebut. Bantuan zakat yang diterima adalah dalam bentuk tunai dan dianggap sebagai bayaran pindahan sahaja (tidak produktif). Oleh itu, golongan miskin seolah-olah berputus-asa dengan nilai bantuan zakat yang amat sedikit. Sekiranya nilai bantuan zakat dalam bentuk tunai ditingkatkan dengan lebih besar lagi, kemungkinan penerima bantuan zakat akan lebih berpuas hati terhadap kualiti kehidupan mereka. Bantuan zakat boleh juga diberikan dalam bentuk bukan tunai yang bersifat produktif seperti biasiswa pendidikan anak-anak, simpanan dalam amanah saham dan modal perniagaan. Pihak Majlis Agama Islam juga boleh menyumbangkan zakat dalam bentuk alat perkakas serta barangan dapur dan sebagainya. Ini berkemungkinan akan meningkatkan kepuasan mereka dan merasakan kualiti kehidupan mereka menjadi bertambah baik jika dibandingkan dalam keadaan sebelum menerima zakat.

Implikasi kedua ialah kesan zakat tidak begitu besar terhadap kualiti pendidikan anak-anak golongan miskin kerana pihak kerajaan telah pun menyediakan bantuan pendidikan termasuklah bantuan yuran, biasiswa dan makanan di sekolah kepada anak-anak golongan miskin. Ini dibiayai oleh hasil kutipan cukai oleh kerajaan yang akan disalurkan kepada semua rakyat tanpa

mengira kaum dan agama. Oleh itu, bantuan zakat yang diterima oleh golongan miskin untuk pendidikan berkemungkinan sebagai pelengkap sahaja kerana nilai bantuan yang kecil. Walau bagaimanapun, kajian ini menunjukkan golongan miskin telah mula memberi perhatian terhadap pendidikan anak-anak mereka. Ini berdasarkan jawapan yang telah diberi oleh mereka yang amat berpuas hati terhadap kualiti pendidikan anak-anak mereka. Mereka juga percaya bahawa pendidikan anak-anak dapat membantu mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik dan dalam jangka masa panjang anak-anak mereka serta keluarga mereka dapat terkeluar daripada putaran ganas kemiskinan. Berdasarkan Jadual 3, kesan pendidikan adalah signifikan terhadap kualiti hidup golongan miskin.

Ketiganya, golongan penerima zakat tidak tersisih daripada masyarakat malah semakin erat dengan masyarakat setempat. Ini adalah kerana setiap umat Islam adalah bersaudara, golongan kaya perlu membantu golongan miskin melalui rukun Islam yang ketiga iaitu menunaikan zakat. Hikmah daripada konsep zakat itu sendiri menekankan konsep persaudaraan dan ini akan memastikan golongan fakir dan miskin tidak dipinggirkan dan tercicir daripada arus pembangunan.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa zakat dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam mengatasi masalah kemiskinan. Penerima bantuan wang zakat akan dapat merasai kepentingan dan keberkesanan bantuan tersebut sekiranya bantuan disalurkan dengan memberi keutamaan kepada aspek kualiti hidup. Oleh itu, bentuk bantuan yang diberi perlu diperincikan bukan sahaja dari segi jumlahnya tetapi juga dari segi bentuknya.

Bantuan zakat perlu dipastikan memberi impak yang signifikan kepada kualiti hidup golongan miskin. Suatu tindakan yang drastik perlu dilakukan untuk memastikan kualiti hidup mereka adalah terjamin dengan sekurang-kurangnya mendapat barang keperluan dan kecukupan. Nilai bantuan zakat perlu dinilai semula kerana nilai bantuan yang diberi amatlah kecil berbanding dengan keperluan kehidupan semasa. Pihak Majlis Agama Islam Negeri perlu memikirkan nilai bantuan serta kaedah agihan zakat yang sesuai agar kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan ke tahap yang sekurang-kurangnya

memuaskan hati mereka. Tindakan ini adalah wajar untuk memastikan sekurang-kurangnya kualiti hidup mereka adalah baik setanding dengan masyarakat lain di Malaysia walaupun pendapatan mereka masih lagi di bawah paras kemiskinan. Bidang pendidikan juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan memandangkan ia adalah salah satu kaedah yang berkesan dalam membasmi kemiskinan.

RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob. 2001. "Garis Panduan Agama dalam Pengagihan Dana Zakat". Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM
- Burnell, J.D dan Galster, G. 1992. "Quality of Life and Urban Size: An Empirical Note". *Urban Studies* (29), 727-735.
- Cheong Kee Cheok dan L.J Federich. 1977. "Theory and Measurement of Poverty: Tentatif Views on and Amorphous Topic". Dalam *Poverty in Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Ekonomi Malaysia.
- Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Mohd Nor. 2003. "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Kakitangan Profesional: Kajian Kes di UKM". Dalam Zulkefly Abd Karim et. al (penyt). *Prosiding Seminar Kebangsaan Dasar Awam dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Univision Press Sdn Bhd.
- Mohd Parid Syeikh Ahmad. 2001. "Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam". Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM
- Md Zhahir Kechot. 1996. "Kemudahan Asas dan Kemiskinan Luar Bandar: Kajian Kes di Bachok". Dalam Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj. Idris (penyt). *Kemiskinan Dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Laporan Zakat 2001. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan
- Rahmah Ismail. 1996. *Modal Manusia dan Perolehan Buruh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosmalini Zulkefli. 1998. *Kajian Impak Sosioekonomi Amanah Ikhtiar Malaysia; Satu Kajian Kes di Parit, Perak*. Tidak diterbitkan.
- Schultz, T.W. 1963. *The Economic Value of Education*. United States: Columbia University Press.
- Todaro, M.P. 1994. *Economic Development*. London: Longman
- Unit Perancang Ekonomi. 2002. *Kualiti Hidup Malaysia 2002*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

- Wan Zuriani Wan Yusof. 1997. "Kemiskinan dan Pembangunan: Satu Kajian kes Terhadap Setinggalan di Kuala Lumpur". Tidak diterbitkan.
- Zainal Abidin Jaffar. 2003. "Pengalaman JAKIM dan Kementerian Luar Bandar dalam Menangani Masalah Kemiskinan". Dalam Bengkel Kebangsaan Kemiskinan dan Jaminan Sosial Asnaf Fakir dan Miskin. UiTM Melaka.